



07 APR, 2025

## Tiada gangguan nyata pada salur paip

Harian Metro, Malaysia



# Tiada gangguan nyata pada salur paip

**Subang Jaya:** Polis mendapati keadaan fizikal paip dalam insiden kebakaran saluran gas di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights di sini pada Selasa lalu tidak menunjukkan sebarang gangguan yang nyata.

Ketua Polis Selangor Datuk Hussein Omar Khan berkata, pihaknya sudah menggali semula laluan paip kumbahan yang dipasang oleh sebuah syarikat kontraktor untuk siasatan dan mendapati paip itu dipasang pada kedalaman 2.1 meter (m) daripada aras jalan sedia ada.

Kata beliau, pihaknya mendapati kerja korekan yang dibuat oleh pihak kontraktor itu tidak melebihi tiga meter sepanjang jalan terbabit dengan lebar korekan adalah 1.5



meter.

"Kerja korekan dan pemasangan itu sudah dilakukan sepanjang lebih kurang 30 meter dan dipercayai akan disambung lagi. Jalan yang merentasi laluan paip gas Petronas ini adalah jalan yang diluluskan.

"Kerja galian dilakukan



*Kerja galian dilakukan tiga jentera pengorek, sebuah jentolak dan sebuah jentera pengorek kaut sedang diteruskan untuk membuka kawasan"*

**Hussein**

tiga jentera pengorek, sebuah jentolak dan sebuah jentera pengorek kaut sedang diteruskan untuk membuka kawasan dan meninjau kedudukan paip Petronas yang dipercayai berada di kedalaman antara enam hingga tujuh meter," katanya pada sidang media di Pos Kaw-

lan Tempat Kejadian (PKTK) di sini, semalam.

Beliau berkata, polis mendapati paip gas berkenaan berada pada kedalaman 5.6 meter dari pada aras jalan dengan jarak antara paip kumbahan dan paip gas adalah 1.6 meter.

"Keadaan fizikal paip itu tidak menunjukkan sebarang gangguan yang nyata.

"Kerja galian itu dilakukan dan dipantau oleh polis bersama dengan Petronas, Jabatan Kerja Raya (JKR) serta Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (Jupem).

"Selain itu, ia turut membabitkan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Air Selangor dan pihak kontraktor," katanya.